

Headline	Polemik penyalahgunaan ketum kian meruncing		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Feb 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	307 cm ²
AdValue	RM 10,166	PR Value	RM 30,498



Polemik penyalahgunaan ketum kian meruncing

Polemik penyalahgunaan ketum di Malaysia semakin meruncing. Tanaman ini sangat popular di utara tanah air, terutama di Kedah dan negara jiran, Thailand.

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), sejumlah 128,000 individu terjebak penyalahgunaan ketum pada 2019.

Angka itu kedua tertinggi selepas ganja, sekali gus membuktikan penyalahgunaan ketum semakin membarah di negara kita.

Laporan Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Kedah 2019 juga menunjukkan 128,525.41 kilogram (kg) daun ketum dengan nilai semasa lebih RM3.7 juta dirampas antara Januari hingga Oktober 2019.

Ia meningkat 46.8 peratus berbanding rampasan 87,563.90kg ketum dengan nilai semasa lebih RM5.25 juta bagi tempoh sama 2018.

Rampasan dilakukan pihak berkuasa

ke atas individu yang rata-ratanya mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan dadah. Peningkatan jumlah rampasan ini juga merisaukan.

Penyalahgunaan ketum berlaku apabila penagih merebus dan mencampurkan air rebusan bersama ubat batuk. Hasilnya, air rebusan menjadi minuman yang menyebabkan ketagihan dan ia mampu membawa kepada penagihan dadah sintetik.

Terkini, daun ketum dipercayai di-

gunakan bagi tujuan seks seperti dinyatakan bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Ramli Din.

Penguatkuasaan bagi membanteras penyalahgunaan daun ketum di Malaysia berhadapan kekangan yang membatikan beberapa akta, iaitu Kanun Tanah Negara, Akta Racun 1952 dan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Maka, tidak hairanlah Menteri Besar Kedah tahun ini memohon Kerajaan Persekutuan meneliti dan menyemak segala peruntukan undang-undang persekutuan itu dalam membuat pertimbangan bagi membanteras penyalahgunaan ketum khususnya di Kedah dan amnya di Malaysia.

Jika dilihat Thailand, negara jiran itu bertindak sebaliknya. Baru-baru ini, Parlimen negara gajah putih itu membuat pengundian untuk rang undang-undang (RUU) pindaan yang akan mengeluarkan daun ketum daripada senarai narkotik yang secara asasnya tidak membenarkan mana-mana individu menanam, mengimport, mengeksport, menjual, memiliki atau menggunakan tanpa permit pihak berkuasa.

Seramai 319 Ahli Parlimen menyokong dalam Dewan Perwakilan untuk diluluskan RUU pindaan itu ketika proses bacaan kedua dan ketiga.


Kini RUU pindaan itu akan diserahkan kepada Dewan Senat untuk proses kelulusan perundangan terakhir. Ia akan menjadi undang-undang 90 hari selepas diterbitkan di Warta Kerajaan.

Asas pindaan berkenaan adalah bagi memberikan potensi pendapatan tunai kepada petani dan peladang yang menanam dan menggunakan daun ketum sebagai perubatan dan kesihatan diri.

Justeru, apakah pertimbangan yang akan negara kita akan lakukan dalam soal berkaitan ketum?

Adakah kita mahu bertegas untuk menguatkuasakan undang-undang dalam membanteras penyalahgunaan ketum di Malaysia ataupun memikirkan alternatif untuk mengekang polemik ini daripada berterusan?

Penulis adalah Pensyarah Pusat Pengajian Undang-Undang Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Antarabangsa (COLGIS) Universiti Utara Malaysia



Muhammad Hafiz Badarulzaman

Adakah kita mahu bertegas untuk menguatkuasakan undang-undang dalam membanteras penyalahgunaan ketum atau memikirkan alternatif untuk mengekang polemik ini daripada berterusan?